

Kearifan Tempatan dan Islam dalam Masyarakat Pesisir Pahang: Satu Sintesis 'Urf dan Tamadun Maritim

Local Wisdom and Islam in the Coastal Community of Pahang: A Synthesis of 'Urf and Maritime Civilization

Ahmad Farid Abd Jalal¹, Azman Yusof², Ahnaf Wafi Alias³ & Rahimin Affandi Abd Rahim⁴

^{1,3&4} Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang.

²Universiti Kuala Lumpur MICET (UniKL MICET), Bandar Vendor Taboh Naning, 78000 Alor Gajah, Melaka

Article progress

Received: 7 Mac 2026

Accepted: 12 May 2026

Published: 31 May 2026

*Corresponding author:

Azman Yusof, Universiti Kuala Lumpur MICET (UniKL MICET), Bandar Vendor Taboh Naning, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Email:

azmanyusof@unikl.edu.my

Abstrak: Artikel ini meneliti kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang sebagai epistemologi amali yang terbentuk dalam konteks tamadun maritim dan diserasikan secara normatif melalui Islam. Berbeza daripada pendekatan terdahulu yang cenderung mengagungkan adat secara berlebihan atau menafikannya secara total atas alasan agama, kajian ini membangunkan kerangka sintesis yang menghubungkan kearifan tempatan, konsep 'urf dan realiti maritim secara sistematik. Menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis literatur terpilih dan analisis konseptual, dapatan kajian dihuraikan melalui tiga kluster fungsional utama, iaitu ekologi, sosioekonomi, dan religiobudaya. Analisis menunjukkan bahawa pengetahuan ekologi pesisir, etika muamalat, dan amalan budaya masyarakat Pahang bukan sekadar adat budaya, malah membentuk sistem pengetahuan praktikal yang berfungsi untuk mengurus risiko alam, kestabilan ekonomi, serta tertib sosial dalam persekitaran maritim. Melalui mekanisme 'urf, Islam berperanan menilai, menapis dan mengabsahkan kearifan tempatan tersebut, seterusnya menterjemahkannya ke dalam orientasi nilai dan institusi sosial seperti Hukum Kanun Pahang. Artikel ini menghujahkan bahawa Islam dalam masyarakat pesisir Pahang berfungsi sebagai *epistemic regulator*, iaitu sistem yang mengawal pembentukan pengetahuan, penilaian nilai dan penginstitutionan adat secara berperingkat. Dari sudut teori dan pascakolonial, kajian ini mencabar naratif kolonial yang meminggirkan masyarakat pesisir sebagai pinggir (*periphery*) epistemik, serta menampilkan masyarakat Pahang sebagai agen epistemik yang aktif dalam pembentukan tamadun maritim Melayu-Islam. Seterusnya, kajian ini mencadangkan agar penyelidikan lapangan dijalankan bagi mendokumentasikan amalan kontemporari yang masih menerapkan sintesis ini, khususnya dalam mendepani isu kelestarian maritim semasa.

Kata kunci: Kearifan tempatan; tamadun maritim; *urf*; masyarakat pesisir Pahang; pascakolonial

Abstract: This article examines the local wisdom of the Pahang coastal society as a practical epistemology formed within the context of maritime civilisation and normatively aligned through Islam. Contrasting with previous approaches that tend to over-romanticise tradition or reject it entirely on religious grounds, this study develops a synthesis framework that systematically connects local wisdom, the concept of 'urf, and maritime reality. Utilizing a qualitative approach based on selected literature analysis and conceptual analysis, the research findings are delineated through three main functional clusters: ecology, socioeconomics, and religio-culture. The analysis demonstrates that the coastal ecological knowledge, *muamalat* ethics, and cultural practices of the Pahang society are not merely cultural traditions but rather form a system of practical knowledge functioning to manage environmental risks, economic stability, and social order within a maritime environment. Through the mechanism of 'urf, Islam plays a role in evaluating,

filtering, and validating this local wisdom, subsequently translating it into value orientations and social institutions such as the *Hukum Kanun Pahang* (Pahang Laws). This article argues that Islam within the Pahang coastal society functions as an epistemic regulator—a system that progressively governs knowledge formation, value assessment, and the institutionalization of custom. From a theoretical and postcolonial perspective, this study challenges colonial narratives that marginalize coastal societies as an epistemic periphery, whilst showcasing the Pahang people as active epistemic agents in the formation of the Malay-Islamic maritime civilization. Furthermore, this study suggests that field research be conducted to document contemporary practices that still apply this synthesis, particularly in confronting current maritime sustainability issues.

Keywords: Local wisdom; maritime civilisation; *urf*; Pahang coastal society; postcolonialism

Pengenalan

Berdasarkan sorotan literatur, kajian tentang Pahang lazimnya menumpukan naratif sejarah politik atau ekonomi secara umum, manakala dimensi kearifan tempatan masyarakat pesisir sering disentuh secara terpisah, sama ada sebagai adat budaya mahupun sebagai kesan sampingan Islamisasi, tanpa kerangka sintesis yang menghubungkan tamadun maritim, Islam, dan epistemologi tempatan secara sistematik (Abu Talib Ahmad, 2016; Yusof & Ramli, 2020).

Selain itu, konsep kearifan tempatan dalam wacana semasa sering digunakan secara normatif dan deskriptif, tanpa penilaian yang jelas daripada perspektif Syariah, khususnya melalui konsep '*urf sahih*' dan '*urf fasid*' (Rosele & Ali, 2019). Dalam konteks masyarakat pesisir Pahang yang petempatannya terbentuk melalui jaringan sungai, muara, dan laut, persoalan utama yang timbul adalah tentang bagaimana Islam berinteraksi dengan adat serta pengetahuan tempatan yang lahir daripada realiti maritim tersebut. Sehubungan dengan itu, artikel ini digerakkan oleh persoalan kajian yang berikut:

1. Apakah bentuk dan ciri utama kearifan tempatan masyarakat pesisir dalam konteks tamadun maritim Pahang?
2. Bagaimanakah Islam berperanan untuk menapis, membentuk, dan mengislamkan kearifan tempatan tersebut melalui konsep '*urf*'?
3. Sejauh manakah kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang dapat difahami sebagai satu sistem epistemologi amali yang selari dengan prinsip Islam dan menepati keperluan masyarakat maritim?
4. Bagaimanakah pembacaan kearifan tempatan-Islam ini menyumbang kepada pemahaman baharu tentang tamadun maritim Pahang yang melampaui kerangka kolonial dan deskriptif?

Berdasarkan persoalan kajian di atas, artikel ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti dan menghuraikan bentuk kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang dalam konteks tamadun maritim yang merangkumi aspek ekologi, sosioekonomi, dan religiobudaya.
2. Menganalisis kearifan tempatan tersebut melalui kerangka Islam, khususnya dengan menggunakan konsep '*urf*' sebagai mekanisme penilaian syariah.
3. Membina kerangka konseptual sintesis yang menghubungkan kearifan tempatan, Islam, dan tamadun maritim Pahang sebagai sistem yang saling berfungsi.
4. Menawarkan pembacaan alternatif terhadap sejarah dan masyarakat pesisir Pahang yang menekankan peranan ilmu tempatan serta nilai Islam, bukan sekadar faktor luaran atau kolonial.

Sorotan Literatur dan Jurang Kajian

a. Kearifan Tempatan sebagai Konsep Akademik: Takrifan, Skop dan Keterbatasan

Dalam wacana akademik, istilah "kearifan tempatan" lazimnya digunakan untuk merujuk kepada himpunan pengetahuan, nilai, dan amalan yang terbentuk melalui pengalaman sejarah serta persekitaran setempat, serta diwariskan secara turun-

temurun dalam sesebuah komuniti. Literatur menunjukkan bahawa istilah ini sering disepadukan dengan konsep *local wisdom* (kearifan tempatan), *local knowledge* (pengetahuan tempatan), dan *local genius* (genius tempatan), yang menekankan sifat kontekstual, praktikal, dan berakar pada tempat (*place-based knowledge*) (Yusof & Ramli, 2020). Walau bagaimanapun, sorotan kajian mendapati bahawa perbincangan tentang kearifan tempatan sering terhenti pada tahap pendeskripsian budaya, iaitu menghuraikan adat, pantang larang, dan amalan komuniti tanpa membezakan secara jelas antara unsur epistemik (pengetahuan), normatif (nilai), dengan operasional (amalan). Kelemahan ini menyebabkan kearifan tempatan mudah dirujuk sebagai tradisi atau budaya tanpa kerangka penilaian yang konsisten, khususnya apabila dibincangkan dalam konteks masyarakat Muslim (Yusof & Ramli, 2020). Selain itu, sebahagian kajian cenderung mengagungkan secara berlebihan kearifan tempatan sebagai warisan yang bersifat intrinsik baik tanpa mengemukakan mekanisme penapisan kritikal terhadap unsur yang berpotensi bercanggah dengan prinsip agama. Keadaan ini mewujudkan jurang antara wacana kearifan tempatan dengan perbahasan hukum Islam, sekali gus menimbulkan persoalan tentang kesahihan epistemik dan normatif amalan tempatan dalam masyarakat Islam.

b. Kearifan Tempatan dalam Perspektif Islam: Konsep 'Urf dan Penilaian Syariah

Dalam tradisi hukum Islam, perbahasan mengenai adat dan amalan tempatan telah lama dibincangkan melalui konsep 'urf, iaitu kebiasaan atau amalan yang diterima oleh masyarakat serta mempunyai implikasi hukum selagi tidak bercanggah dengan nas dan prinsip syariah. Literatur *fiqh* membezakan antara 'urf *sahih* (adat yang sah dan diterima) dengan 'urf *fasid* (adat yang rosak dan ditolak), sekali gus menyediakan kerangka normatif untuk menilai kearifan tempatan secara berlapis (Rosele & Ali, 2019). Kajian *fiqh* kontemporari menegaskan bahawa kearifan tempatan boleh berfungsi sebagai sumber sokongan dalam penentuan hukum dan pengurusan sosial, terutamanya dalam isu muamalat, urusan kemasyarakatan, serta tadbir urus setempat. Namun demikian, literatur juga menunjukkan bahawa perbincangan 'urf sering kekal dalam ruang teori hukum tanpa diaplikasikan secara khusus kepada komuniti tertentu, seperti masyarakat pesisir atau komuniti maritim (Rosele & Ali, 2019). Dalam konteks ini, wujud jurang penting: walaupun konsep 'urf menyediakan asas Islam yang kukuh untuk menilai kearifan tempatan, konsep tersebut jarang digunakan secara sistematik untuk membaca realiti sosial dan ekonomi masyarakat pesisir, khususnya di negeri Melayu seperti Pahang yang mempunyai sejarah maritim yang panjang.

c. Tamadun Maritim dan Masyarakat Pesisir: Pendekatan Sejarah dan Keterbatasannya

Kajian tentang tamadun maritim di Alam Melayu lazimnya menumpukan jaringan perdagangan, pelayaran, diplomasi, dan interaksi antara kuasa serantau dengan kuasa luar. Literatur berkaitan dengan navigasi Melayu dan perdagangan maritim menunjukkan bahawa masyarakat Melayu memiliki tradisi pelayaran serta pengetahuan nautika yang maju, di samping terlibat aktif dalam jaringan perdagangan antarabangsa sejak awal (Yaapar, 2019). Dalam konteks Pahang, kajian sejarah negeri menunjukkan bahawa kawasan pesisir dan muara sungai, terutamanya Pekan dan Kuala Pahang, berperanan sebagai simpul penting dalam jaringan politik serta ekonomi serantau. Walau bagaimanapun, sorotan literatur mendapati bahawa kajian tersebut lebih menekankan fungsi makro (politik dan perdagangan) berbanding dengan pengalaman mikro masyarakat pesisir, seperti cara hidup, sistem nilai, dan pengetahuan tempatan (Abu Talib Ahmad, 2016; Linehan, 1936). Akibatnya, masyarakat pesisir sering muncul dalam historiografi sebagai latar belakang kepada aktiviti perdagangan atau kuasa politik, bukannya sebagai subjek epistemik yang membangunkan kearifan tersendiri. Kekosongan ini menimbulkan keperluan untuk membaca tamadun maritim bukan sahaja sebagai rangkaian ekonomi dan geopolitik, malah sebagai ekosistem sosial yang melahirkan kearifan tempatan berasaskan sungai, muara, dan laut. Sejajar dengan itu, kajian Ahmad Farid Abd Jalal et al. (2026) turut menegaskan bahawa tamadun maritim Alam Melayu tidak wajar difahami secara terhad melalui kerangka lautsentrik semata-mata; sebaliknya, tamadun tersebut perlu ditafsirkan dalam konteks sistem maritim sungai yang berasaskan jaringan sungai, muara, dan laluan dalaman seperti jalan penarikan, yang menjadi nadi kehidupan serta pembentukan kearifan tempatan masyarakat setempat.

d. Islamisasi Pahang dan Transformasi Adat Pesisir

Literatur mengenai Islamisasi Pahang menunjukkan bahawa proses tersebut berlaku secara bertahap serta melibatkan interaksi antara ulama, institusi politik, dengan jaringan sosial serantau. Kajian terdahulu menekankan peranan migrasi, hubungan diplomatik, dan pengaruh tokoh agama dalam membentuk landskap keagamaan negeri Pahang (Rosele, 2015). Namun begitu, kebanyakan kajian Islamisasi memberikan tumpuan kepada aspek institusi dan tokoh, manakala dimensi transformasi adat serta kearifan tempatan masyarakat pesisir kurang diberikan perhatian. Persoalan tentang bagaimana

adat pesisir ditapis, diubah suai, atau dikekalkan dalam kerangka Islam jarang dihuraikan secara terperinci, walaupun isu ini penting untuk memahami bagaimana Islam berfungsi sebagai sistem hidup dalam komuniti maritim. Dalam hal ini, teks perundangan Melayu-Islam seperti Hukum Kanun Pahang (HKP) memberikan petunjuk penting tentang bagaimana adat dengan syariah disintesis dalam bentuk norma bertulis, termasuk dalam isu perdagangan dan pengurusan sosial. Walau bagaimanapun, penggunaan HKP sebagai sumber untuk membaca kearifan tempatan pesisir masih terhad dalam literatur sedia ada (Sazali, 2025).

e. Jurang Kajian

Berdasarkan sorotan literatur di atas, artikel ini mengenal pasti beberapa jurang kajian utama, iaitu:

1. Jurang konseptual: Ketiadaan kerangka yang menghubungkan kearifan tempatan, Islam, dan tamadun maritim secara sistematik dalam konteks masyarakat pesisir Pahang.
2. Jurang normatif: Keadaan kearifan tempatan yang sering dibincangkan tanpa penilaian syariah secara jelas dengan menggunakan konsep *'urf*.
3. Jurang empirik-tematik: Keadaan masyarakat pesisir Pahang yang jarang dikaji sebagai subjek epistemik yang membangunkan pengetahuan serta nilai tersendiri.
4. Jurang metodologi: Teks perundangan Melayu-Islam seperti HKP belum dimanfaatkan sepenuhnya untuk membaca hubungan antara adat, Islam, dengan ekonomi maritim.

Sehubungan itu, artikel ini memposisikan dirinya untuk mengisi jurang-jurang tersebut dengan membangunkan satu pembacaan sintesis yang menilai kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang sebagai epistemologi amali berteraskan Islam dalam konteks tamadun maritim.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis literatur terpilih dan analisis konseptual dengan tujuan untuk membina kefahaman mendalam tentang hubungan antara kearifan tempatan, Islam, dengan tamadun maritim dalam konteks masyarakat pesisir Pahang. Pendekatan ini dipilih kerana fokus utama kajian bukanlah untuk menguji hipotesis secara statistik atau menghasilkan generalisasi kuantitatif, sebaliknya untuk menstrukturkan makna, konsep, serta hubungan epistemik yang terbentuk dalam pengalaman sejarah dan sosial masyarakat pesisir. Melalui pendekatan tersebut, kajian ini berusaha untuk menelusuri bagaimana pengetahuan tempatan, nilai Islam, dan realiti maritim saling berinteraksi dalam membentuk sistem kehidupan masyarakat Melayu-Islam di Pahang.

Reka bentuk kajian ini bersifat deskriptif-analitik dengan penekanan kepada pembacaan kritikal serta interpretatif terhadap teks dan literatur yang relevan. Analisis dilakukan secara sistematik untuk mengenal pasti tema utama yang berkaitan dengan kearifan tempatan masyarakat pesisir, seterusnya menilai tema tersebut melalui kerangka pemikiran Islam, dan akhirnya menyusun sintesis konseptual yang koheren dalam konteks tamadun maritim Pahang. Pendekatan deskriptif-analitik ini membolehkan kajian memberikan perhatian kepada konteks, makna, dan fungsi sosial sesuatu amalan, berbanding dengan sekadar menghimpunkan data secara deskriptif. Reka bentuk kajian ini selari dengan amalan penyelidikan dalam bidang sejarah, pengajian Islam, serta kajian kemanusiaan yang menekankan interpretasi makna, pembacaan konteks, dan kefahaman mendalam terhadap fenomena sosial, berbanding dengan pendekatan kuantitatif yang berorientasikan generalisasi statistik (Abu Talib Ahmad, 2016). Data kajian ini diperoleh daripada tiga kategori sumber utama yang saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Pertama, kajian ini merujuk kepada literatur akademik terpilih yang merangkumi buku, artikel jurnal, dan tesis berkaitan dengan konsep kearifan tempatan serta *local knowledge* (pengetahuan tempatan), konsep *'urf* dan penilaian syariah terhadap adat, sejarah negeri Pahang dan masyarakat pesisir, serta kajian tentang tamadun maritim Alam Melayu. Pemilihan literatur dilakukan secara selektif dan bertema dengan memberikan keutamaan kepada karya yang mempunyai kekuatan konseptual serta relevan secara langsung dengan fokus kajian, khususnya dalam membincangkan hubungan antara adat, Islam, dengan konteks setempat (Yusof & Ramli, 2020; Rosele & Ali, 2019).

Kedua, kajian ini turut menggunakan teks perundangan Melayu-Islam, khususnya Hukum Kanun Pahang (HKP), sebagai sumber sokongan konseptual. HKP dirujuk bagi memahami bagaimana adat tempatan dan prinsip syariah disintesis dalam bentuk norma bertulis, terutamanya dalam aspek muamalat, tatakelola sosial, serta pengurusan

ekonomi. Dalam kajian ini, HKP tidak dianalisis sebagai objek filologi atau teks undang-undang semata-mata, sebaliknya digunakan sebagai bukti epistemik yang menunjukkan kewujudan sistem nilai dan perundangan yang berfungsi dalam masyarakat Melayu-Islam Pahang (Sazali, 2025).

Ketiga, kajian ini merujuk kepada kajian sejarah dan maritim serantau untuk meletakkan Pahang dalam konteks yang lebih luas sebagai sebahagian daripada tamadun maritim Alam Melayu. Sumber tersebut digunakan bagi memahami jaringan navigasi, perdagangan, dan tradisi maritim Melayu, serta untuk mengelakkan pembacaan yang terpisah daripada realiti serantau yang membentuk kehidupan masyarakat pesisir Pahang (Yaapar, 2019).

Bagi Kaedah Analisis Data, kajian ini dilakukan melalui tiga realiti utama yang saling berkait. Langkah pertama melibatkan pengelompokan tematik, iaitu proses mengenal pasti tema berulang dalam literatur berkaitan dengan kearifan tempatan di pesisir. Tema ini dikenal pasti berdasarkan kekerapan perbincangan, kepentingan konseptual, serta hubungannya dengan realiti maritim.

Langkah kedua ialah penilaian normatif Islam; melalui langkah ini, tema yang dikenal pasti dinilai dengan menggunakan konsep *urf* dalam tradisi hukum Islam. Penilaian ini bertujuan untuk membezakan amalan yang selari dengan prinsip syariah serta membawa maslahat, dengan amalan yang memerlukan penapisan atau penilaian semula daripada sudut akidah dan keadilan.

Langkah ketiga melibatkan sintesis konseptual, iaitu penyusunan dapatan analisis ke dalam kerangka kefahaman yang menghubungkan kearifan tempatan, Islam, dan tamadun maritim Pahang. Melalui proses ini, kajian bergerak daripada huraian deskriptif kepada pembinaan kefahaman teori yang lebih tersusun tanpa melibatkan sebarang bentuk meta-analisis statistik atau perbandingan kuantitatif.

Kajian ini terhad kepada analisis literatur dan teks, serta tidak melibatkan kerja lapangan, temu bual, atau kajian etnografi. Oleh itu, dapatan kajian bersifat konseptual dan interpretatif yang bergantung pada sumber bertulis serta analisis pemikiran. Walau bagaimanapun, batasan ini disengajakan dan selari dengan objektif utama artikel, iaitu untuk membina kerangka kefahaman dan model analitik tentang kearifan tempatan serta Islam dalam masyarakat pesisir Pahang. Kerangka yang dibangunkan melalui kajian ini diharapkan dapat menjadi asas kepada penyelidikan lanjutan, khususnya kajian lapangan dan etnografi yang lebih mendalam pada peringkat seterusnya.

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis berasaskan kluster untuk menghuraikan dapatan berkaitan dengan kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang secara sistematik dan berlapis. Pendekatan kluster dipilih sebagai strategi metodologi untuk menangani sifat data kajian yang kompleks, saling berkait, dan tidak terpisah mengikut disiplin tunggal seperti ekonomi, agama, atau alam sekitar. Dalam konteks kajian ini, kluster ditakrifkan sebagai domain fungsional analitik yang menghimpunkan pengetahuan, nilai, dan amalan yang beroperasi bersama-sama dalam realiti kehidupan masyarakat pesisir. Kluster tidak difahami sebagai kategori budaya yang statik atau terpisah secara mutlak, sebaliknya sebagai bidang fungsi epistemik yang saling bertindih serta saling mempengaruhi dalam pembentukan sistem kehidupan masyarakat maritim.

Pendekatan ini berbeza daripada pengelasan tematik konvensional yang cenderung memecahkan data mengikut sektor (contohnya ekonomi, agama, atau alam) tanpa mengekalkan hubungan fungsional antara sektor tersebut. Sebaliknya, analisis kluster membolehkan kajian ini mengekalkan kesalinghubungan struktur kehidupan pesisir, sejajar dengan realiti tamadun maritim yang bersifat integratif.

Penggunaan pendekatan kluster dalam kajian ini didorong oleh beberapa rasional metodologi utama. Pertama, kehidupan masyarakat pesisir tidak beroperasi dalam domain terasing. Pengurusan alam, aktiviti ekonomi, dan pembentukan makna religiobudaya berlaku secara serentak serta saling bergantung. Sebagai contoh, pengetahuan tentang monsun dan muara (alam) menentukan masa serta bentuk perdagangan (ekonomi), yang seterusnya memerlukan etika muamalat dan adab sosial (agama dan budaya). Pendekatan kluster membolehkan hubungan ini dianalisis tanpa memecahkannya kepada sektor yang terpisah.

Kedua, kluster digunakan sebagai alat analisis epistemik, bukannya sebagai taksonomi budaya. Setiap kluster mewakili satu fungsi pengetahuan dalam sistem kehidupan masyarakat pesisir, iaitu bagaimana masyarakat: (i) memahami dan mengurus alam (kluster ekologi), (ii) menyusun hubungan ekonomi dan sosial (kluster sosioekonomi);

dan (iii) menilai serta memberikan makna kepada adat melalui Islam (kluster religiobudaya). Melalui pendekatan ini, kearifan tempatan dianalisis sebagai epistemologi amali, bukannya sekadar ekspresi budaya atau adat resam.

Ketiga, pendekatan kluster berfungsi sebagai jambatan metodologi antara data empirik dengan perbincangan teori. Setiap kluster menyediakan asas empirik khusus yang menyokong hujah teori sebelumnya, khususnya hujah bahawa Islam berfungsi sebagai regulator epistemik. Kluster ekologi menunjukkan rasionaliti empirikal ilmu tempatan, kluster sosioekonomi menunjukkan penginstitutionan nilai Islam, dan kluster religiobudaya menunjukkan mekanisme penapisan epistemik melalui *'urf*.

Keempat, daripada sudut pascakolonial, pendekatan kluster mengelakkan kerangka kolonial yang memisahkan masyarakat tempatan kepada kategori ekonomi tradisional, kepercayaan rakyat, dan agama ritual. Pemisahan sedemikian sering merendahkan nilai epistemik pengetahuan tempatan. Sebaliknya, analisis kluster membolehkan kajian ini mengangkat kearifan tempatan sebagai sistem pengetahuan yang koheren dan berfungsi, dengan Islam sebagai prinsip penyusunnya.

Kerangka Konseptual: Sintesis Kearifan Tempatan, *'urf* dan Tamadun Maritim

Kajian ini membangunkan kerangka konseptual sintesis bagi memahami kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang sebagai epistemologi amali yang terbentuk dalam konteks tamadun maritim, dan seterusnya ditapis, dinilai, serta diislamkan melalui konsep *'urf*. Kerangka ini dibangunkan bagi mengelakkan dua kecenderungan ekstrem yang sering ditemui dalam kajian terdahulu, iaitu pertama, kecenderungan untuk mengagungkan adat secara berlebihan sebagai warisan budaya tanpa penilaian normatif yang jelas; dan kedua, kecenderungan untuk menolak adat secara total atas alasan agama tanpa memahami fungsi sosial, sejarah, serta konteks setempatnya (Yusof & Ramli, 2020; Rosele & Ali, 2019). Dalam konteks masyarakat Muslim, kedua-dua kecenderungan ini membawa implikasi epistemik yang bermasalah. Tindakan mengagungkan adat secara berlebihan berisiko mengabsahkan amalan yang bercanggah dengan prinsip syariah, manakala penolakan adat secara menyeluruh pula berpotensi memutuskan kesinambungan sosial dan mengabaikan bentuk ilmu tempatan yang telah teruji oleh sejarah. Oleh itu, kerangka konseptual yang dibangunkan dalam artikel ini berusaha untuk menyediakan pendekatan pertengahan dan berprinsip, dengan menilai kearifan tempatan secara kontekstual dalam neraca Islam. Secara asas, kerangka ini berasaskan tiga komponen utama yang saling berhubung serta membentuk rantaian epistemik, iaitu:

- tamadun maritim sebagai konteks struktur kehidupan masyarakat pesisir;
- kearifan tempatan sebagai respons epistemik dan amali terhadap konteks tersebut; dan
- *'urf* sebagai mekanisme Islam untuk menilai, menapis, dan mengabsahkan kearifan tempatan.

Hubungan antara ketiga-tiga komponen ini membolehkan kearifan tempatan difahami bukan sebagai entiti terasing, sebaliknya sebagai sebahagian daripada sistem pengetahuan dan nilai yang membentuk tamadun maritim Melayu-Islam di Pahang.

a. Tamadun Maritim sebagai Konteks Pembentukan Kearifan Tempatan

Dalam kerangka ini, tamadun maritim difahami bukan sekadar sebagai aktiviti perdagangan laut atau kewujudan pelabuhan, tetapi sebagai ekosistem sosial, ekonomi dan budaya yang berteraskan hubungan dinamik antara sungai, muara dan laut. Literatur mengenai tamadun maritim Alam Melayu menegaskan bahawa kehidupan maritim melahirkan keperluan khusus yang berbeza daripada masyarakat agraria pedalaman, termasuk keperluan untuk mengurus risiko alam, membina kepercayaan sosial dalam perdagangan jarak jauh, serta membentuk jaringan diplomatik dan budaya merentas wilayah (Reid, 1993; Yaapar, 2019). Dalam konteks Alam Melayu, sungai dan muara bukan sekadar laluan air, tetapi berfungsi sebagai arteri peradaban yang menghubungkan pedalaman dengan dunia luar. Keadaan ini melahirkan bentuk kehidupan yang sentiasa terdedah kepada perubahan alam, pertembungan budaya dan mobiliti manusia yang tinggi. Justeru, tamadun maritim membentuk latar struktural yang mempengaruhi cara masyarakat mentafsir alam, mengurus ekonomi dan membina hubungan sosial. Kesan tamadun ini turut merangkumi aspek keagamaan dan keilmuan, di mana kedatangan Islam ke Alam Melayu telah berjaya mencorak pandangan alam, amalan keagamaan, budaya dan bahasa masyarakat setempat. Proses Islamisasi ini telah mengangkat pemikiran dan daya intelek orang Melayu ke tahap yang tinggi (Muhammad Farid Wajdi et al., 2021).

Bagi Pahang, kawasan pesisir dan muara Sungai Pahang memainkan peranan penting sebagai ruang pertemuan antara ekologi, ekonomi dan politik. Kajian sejarah menunjukkan bahawa kawasan ini berfungsi sebagai simpul perdagangan, pusat interaksi sosial dan tapak pembentukan autoriti politik, sekali gus melahirkan keperluan kepada pengetahuan tempatan yang bersifat praktikal, fleksibel dan adaptif (Abu Talib Ahmad, 2016; Linehan, 1936). Oleh itu, dalam kerangka konseptual ini, tamadun maritim diletakkan sebagai faktor kontekstual asas yang membentuk jenis, fungsi dan orientasi kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang.

b. Kearifan Tempatan sebagai Epistemologi Amali

Berpandukan sorotan literatur, kearifan tempatan dalam kerangka ini ditakrifkan bukan sekadar sebagai adat atau tradisi budaya, tetapi juga sebagai sistem epistemik yang merangkumi tiga unsur utama, iaitu pengetahuan amali, nilai dan norma sosial, serta amalan berulang yang terbukti berfungsi dalam jangka masa panjang (Ratna Roshida Ab Razak et al., 2023). Literatur kontemporari tentang *local knowledge* dan kearifan tempatan menegaskan bahawa pengetahuan tempatan lazimnya terbentuk melalui pengalaman kolektif, pemerhatian berterusan dan proses pembelajaran antara generasi (Yusof & Ramli, 2020; Berkes, 2012).

Dalam konteks masyarakat pesisir, kearifan tempatan merangkumi pengetahuan tentang navigasi muara, pembacaan musim dan monsun, pengurusan sumber laut serta sungai, serta etika interaksi sosial dalam komuniti yang terbuka kepada pengaruh luar. Pengetahuan ini tidak dibangunkan melalui eksperimen makmal atau teori abstrak, sebaliknya diuji melalui keberkesanan sosial serta sejarah, iaitu sejauh mana pengetahuan tersebut mampu memastikan kelangsungan hidup, keselamatan, dan kestabilan komuniti.

Oleh itu, artikel ini menempatkan kearifan tempatan sebagai epistemologi amali, iaitu bentuk ilmu yang bersifat praktikal, kontekstual, dan berorientasikan fungsi. Pendekatan ini selari dengan pandangan bahawa ilmu dalam masyarakat tradisional tidak semestinya kurang rasional, sebaliknya beroperasi dalam logik yang berbeza daripada sains moden, namun tetap berasaskan pemerhatian, pengalaman, serta penilaian berulang (Berkes, 2012; Yaapar, 2019). Dalam konteks maritim, epistemologi amali ini menjadi asas kepada pembentukan ekonomi, etika sosial, dan sistem nilai masyarakat pesisir.

c. 'Urf sebagai Mekanisme Penilaian Islam

Bagi mengintegrasikan kearifan tempatan ke dalam kerangka Islam, kajian ini menggunakan konsep 'urf sebagai mekanisme normatif utama. Dalam tradisi fiqh, 'urf merujuk kepada amalan kebiasaan masyarakat yang diambil kira dalam penentuan hukum, selagi tidak bercanggah dengan nas al-Qur'an, Sunnah, dan prinsip asas syariah. Para fuqaha membezakan antara 'urf *sahih*, iaitu adat yang selari dengan syariah serta mendatangkan maslahat, dengan 'urf *fasid*, iaitu adat yang bercanggah dengan akidah, ibadah, atau prinsip keadilan Islam (Kamali, 2003; Rosele & Ali, 2019).

Dalam kerangka konseptual ini, 'urf tidak difahami semata-mata sebagai kategori hukum, sebaliknya sebagai penapis epistemik yang berfungsi untuk menilai status pengetahuan dan amalan tempatan. Melalui 'urf, kearifan tempatan masyarakat pesisir boleh diklasifikasikan kepada tiga kemungkinan utama, iaitu sama ada amalan tersebut diterima dan dikekalkan, perlu diubah suai atau diislamkan, mahupun mesti ditolak kerana bercanggah dengan prinsip asas Islam.

Pendekatan ini membolehkan penilaian adat pesisir dilakukan secara adil, kontekstual dan berprinsip, tanpa menafikan realiti sejarah masyarakat tempatan atau mengabaikan tuntutan agama. Dengan menjadikan 'urf sebagai mekanisme utama, kerangka ini menunjukkan bahawa Islam tidak berfungsi sebagai sistem yang memutuskan hubungan dengan tradisi, sebaliknya sebagai sistem normatif yang menyusun, membimbing dan mengawal kearifan tempatan. Hal ini mengukuhkan hujah bahawa Islam dalam masyarakat pesisir Pahang berperanan sebagai pengawal epistemik, bukan sekadar agama ritual atau sistem ibadah semata-mata.

Jadual 1. Matriks Kerangka Konseptual: Sintesis Kearifan Tempatan, *Urf* dan Tamadun Maritim Pahang

Komponen Teras	Takrif Konseptual	Fungsi Epistemik	Contoh dalam konteks Pesisir Pahang	Rujukan Utama (APA)
Tamadun Maritim	Ekosistem sosial, ekonomi dan budaya berasaskan hubungan sungai–muara–laut	Menyediakan konteks struktur kehidupan dan keperluan hidup	Muara Sungai Pahang sebagai simpul ekologi, perdagangan dan kuasa politik	Reid (1993); Abu Talib Ahmad (2016); Yaapar (2019)
Kearifan Tempatan	Sistem pengetahuan, nilai dan amalan yang terbentuk melalui pengalaman sejarah	Respons epistemik dan amali terhadap realiti maritim	Pengetahuan monsun, navigasi muara, etika dagang pesisir	Yusof & Ramli (2020); Berkes (2012)
Epistemologi Amali	Ilmu praktikal yang diuji melalui keberkesanan sosial dan sejarah	Menjamin kelangsungan hidup dan kestabilan komuniti	Strategi pengurusan risiko alam dan ekonomi maritim	Berkes (2012); Yaapar (2019)
<i>Urf</i>	Amalan kebiasaan masyarakat yang dinilai oleh Syariah	Mekanisme penapisan dan pengawalan epistemik	Pengekalan adat bermuafakat, penolakan unsur khurafat	Kamali (2003); Rosele & Ali (2019)
<i>Urf Sahih</i>	Adat yang selari dengan Syariah dan membawa maslahat	Pengabsahan amalan tempatan	Etika muamalat, adab sosial komuniti	Rosele & Ali (2019)
<i>Urf Fāsīd</i>	Adat yang bercanggah dengan akidah atau keadilan	Penolakan atau pembetulan normatif	Ritual bercanggah dengan akidah	Kamali (2003)
Islam sebagai Pengawal Epistemik	Islam sebagai sistem nilai dan penilaian ilmu	Menentukan batas kesahan pengetahuan dan amalan	Penyusunan adat melalui <i>urf</i>	Rosele (2015); Rosele & Ali (2019)
Institusionalisasi Nilai	Penterjemahan nilai Islam ke dalam norma bertulis	Menstabilkan tertib sosial dan ekonomi	Hukum Kanun Pahang	Sazali (2025)

Jadual 2. Epistemik Kerangka Konseptual

Tahap Analitik	Peranan	Huraian Ringkas
Konteks	Tamadun Maritim	Membentuk keperluan hidup dan risiko
Respons	Kearifan Tempatan	Pengetahuan dan amalan praktikal
Penilaian	<i>Urf</i>	Penapisan normatif Islam
Nilai	Prinsip Islam	Amanah, keadilan, maslahat
Institusi	Norma & Undang-undang	HKP, adab sosial, muamalat

Jadual 3. Perbandingan Pendekatan terhadap Adat dalam Kajian

Pendekatan	Ciri Utama	Kelemahan	Kedudukan Kerangka Kajian
Mengagungkan Adat secara berlebihan	Adat diterima tanpa tapisan	Abaikan Syariah	✗ Ditolak
Penolakan Total Adat	Adat dianggap sesat	Abaikan fungsi sosial	✗ Ditolak
Sintesis <i>Urf</i>	Adat dinilai secara normatif	Seimbang dan kontekstual	✔ Digunakan

Ringkasan Huraian Analitik Jadual 1–3

Ketiga-tiga jadual ini secara kolektif berfungsi untuk menjelaskan logik dalaman dan kekuatan teori bagi kerangka konseptual yang dibangunkan dalam artikel ini. Jadual 1 memperincikan komponen teras kerangka konseptual dengan memetakan hubungan antara konteks (tamadun maritim), respons epistemik (kearifan tempatan), mekanisme penilaian Islam (*urf*), dan proses penginstitutionan nilai. Melalui pemetaan ini, kearifan tempatan tidak ditampilkan sebagai adat

yang terpisah atau bersifat deskriptif semata-mata, sebaliknya sebagai satu sistem pengetahuan berfungsi yang terbentuk dalam konteks maritim dan disusun secara normatif melalui Islam. Kedudukan Islam sebagai *pengawal epistemik* dapat dilihat secara jelas apabila *'urf* berperanan menentukan kesahan atau penolakan amalan tempatan, seterusnya menterjemahkan nilai Islam ke dalam norma dan institusi sosial.

Jadual 2-pula merumuskan aliran epistemik kerangka konseptual dengan menunjukkan peralihan berperingkat daripada konteks kehidupan kepada pembentukan institusi. Aliran ini menjelaskan bahawa kearifan tempatan tidak muncul secara rawak, tetapi sebagai respons terhadap keperluan hidup dalam tamadun maritim. Proses penilaian melalui *'urf* bertindak sebagai titik peralihan kritikal yang menukar pengetahuan amali kepada nilai normatif Islam, sebelum akhirnya diinstitusikan dalam bentuk norma sosial dan undang-undang seperti Hukum Kanun Pahang. Jadual ini mengukuhkan hujah bahawa Islam berfungsi bukan sahaja pada tahap nilai abstrak, tetapi juga sebagai mekanisme yang menyusun pengetahuan dan amalan ke dalam struktur sosial yang stabil.

Sementara itu, Jadual 3 berperanan sebagai alat perbandingan analitik yang meletakkan kerangka kajian ini dalam landskap perbincangan sedia ada. Dengan membandingkan pendekatan romantisasi adat dan penolakan total adat, jadual ini menunjukkan bahawa kedua-dua pendekatan tersebut gagal menangani keperluan penilaian normatif dan realiti sosial secara seimbang. Kedudukan kerangka sintesis *'urf* yang digunakan dalam artikel ini ditampilkan sebagai pendekatan pertengahan yang bersifat kontekstual, berprinsip dan berfungsi. Perbandingan ini memperkukuh sumbangan artikel pascakolonial dengan menunjukkan bahawa masyarakat pesisir bukan penerima pasif tradisi atau agama, tetapi agen epistemik yang mampu menilai, menstruktur dan menginstitusikan adat dalam kerangka Islam.

Secara keseluruhan, ketiga-tiga jadual ini mengukuhkan hujah utama artikel bahawa kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang merupakan epistemologi amali yang dibentuk oleh konteks tamadun maritim, serta disusun secara normatif melalui Islam. Jadual tersebut juga berfungsi sebagai sokongan visual dan analitik yang memudahkan pembaca untuk memahami hubungan antara konsep yang dibincangkan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang dapat diperhatikan melalui beberapa domain kehidupan yang saling berkait, merangkumi pengurusan alam, aktiviti ekonomi, dan pembentukan nilai religiobudaya. Ketiga-tiga domain ini membentuk sistem kehidupan maritim yang berfungsi secara bersepadu; melalui sistem tersebut, pengetahuan tentang alam, etika muamalat, dan orientasi agama tidak beroperasi secara terpisah, sebaliknya saling menyokong dalam memastikan kelangsungan serta kestabilan komuniti pesisir.

a, Kluster Ekologi: Kearifan Pengurusan Alam Pesisir dan Muara

Dalam konteks tamadun maritim, kehidupan masyarakat pesisir Pahang bergantung secara langsung pada keupayaan untuk memahami dan mengurus alam sekitar, khususnya sungai, muara, dan laut. Pengetahuan tentang musim monsun, perubahan arah serta kekuatan angin, arus sungai, serta pola pasang surut membentuk asas kepada keselamatan pelayaran, perancangan ekonomi, dan kelangsungan hidup komuniti pesisir. Pengetahuan ini terbentuk melalui pemerhatian berterusan dan pengalaman kolektif jangka panjang, lalu diwarisi sebagai sebahagian daripada kearifan tempatan masyarakat setempat (Abu Talib Ahmad, 2016). Dalam konteks muara Sungai Pahang, kearifan ekologi memainkan peranan yang lebih kritikal kerana muara merupakan ruang peralihan yang sentiasa berubah daripada sudut arus, kedalaman, dan pemendapan sedimen. Keupayaan untuk membaca sifat muara, termasuk waktu air pasang yang sesuai, bahaya beting pasir, serta perubahan aliran air tawar dan masin, menjadi prasyarat kepada keselamatan pelayaran serta kelancaran aktiviti perdagangan. Justeru, pengetahuan tentang muara tidak bersifat teknikal semata-mata, sebaliknya berkait secara langsung dengan perlindungan nyawa, pemeliharaan harta, dan kestabilan ekonomi masyarakat pesisir (Abu Talib Ahmad, 2016).

Kearifan ekologi ini juga mencerminkan bentuk rasionaliti kelangsungan hidup (*survival*) dalam persekitaran yang sentiasa terdedah kepada risiko alam. Melalui amalan berhati-hati dalam pelayaran, pemilihan masa yang sesuai untuk aktiviti ekonomi, serta penghormatan terhadap keseimbangan alam, masyarakat pesisir Pahang membangunkan

etika pengurusan alam yang bersifat adaptif dan berhemah. Kearifan ini tidak lahir daripada wacana kelestarian moden, sebaliknya daripada keperluan hidup dan pengalaman sejarah yang berulang (Yaapar, 2019).

Dari perspektif Islam, kearifan ekologi masyarakat pesisir Pahang boleh difahami sebagai '*urf sahih*' kerana bertujuan untuk memelihara maslahat asas yang diiktiraf oleh syariah, khususnya *hifz al-nafs* (pemeliharaan nyawa) dan *hifz al-mal* (pemeliharaan harta). Amalan ini tidak melibatkan unsur pemujaan alam, kepercayaan khurafat, atau ritual yang bercanggah dengan akidah, sebaliknya berfungsi sebagai ikhtiar rasional dalam mengurus risiko serta menjaga kesejahteraan hidup (Rosele & Ali, 2019). Dalam hal ini, Islam berperanan untuk mengabsahkan dan memberikan orientasi nilai kepada kearifan ekologi sedia ada tanpa menafikan pengetahuan tempatan yang telah teruji oleh sejarah.

b. Kluster Sosio-Ekonomi: Kearifan Muamalat dan Disiplin Maritim

Selain pengurusan alam, kehidupan maritim masyarakat pesisir Pahang turut disokong oleh kearifan sosioekonomi yang mengawal aktiviti perdagangan, hubungan dagang, dan disiplin sosial. Dalam persekitaran maritim yang dicirikan oleh mobiliti tinggi dan interaksi rentas budaya, perdagangan laut serta sungai memerlukan tahap kepercayaan sosial yang tinggi, etika transaksi yang jelas, serta mekanisme penyelesaian konflik yang berkesan. Masyarakat Melayu pesisir membangunkan norma sosial dan etika ekonomi yang berfungsi untuk menstabilkan interaksi dagang jarak jauh serta mengekalkan kelancaran ekonomi maritim (Yaapar, 2019).

Etika muamalat dalam konteks ini tidak terhad kepada peraturan formal, sebaliknya merangkumi amalan tidak bertulis seperti kejujuran dalam transaksi, pematuhan janji, keadilan dalam timbangan, dan kesediaan untuk menyelesaikan pertikaian secara damai. Amalan tersebut berfungsi sebagai modal sosial yang membolehkan perdagangan maritim beroperasi merentas jarak, wilayah, dan budaya, khususnya dalam komuniti pesisir yang sentiasa berhubung dengan pedagang luar. Kewujudan Hukum Kanun Pahang (HKP) sebagai teks perundangan bertulis memperlihatkan bahawa kearifan sosioekonomi ini tidak hanya bergantung pada adat lisan, sebaliknya turut diterapkan dalam bentuk norma bertulis. HKP mencerminkan usaha sistematik untuk menyusun adat tempatan dan prinsip Islam dalam mengawal hubungan sosial serta ekonomi, termasuk aspek keadilan muamalat, tanggungjawab individu, dan pencegahan kezaliman dalam transaksi (Sazali, 2025). Walaupun HKP tidak digubal secara khusus sebagai kod maritim, kandungannya menunjukkan kesedaran normatif bahawa masyarakat Pahang beroperasi dalam ekosistem ekonomi yang terhubung dengan jaringan maritim serta memerlukan peraturan yang jelas.

Dari perspektif Islam, kearifan sosioekonomi ini dapat difahami sebagai '*urf sahih*' yang telah diinstitusikan kerana amalan tersebut selari dengan prinsip asas muamalat Islam, seperti keadilan, amanah, dan larangan kezaliman, serta diterima dan diamalkan secara meluas oleh masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa Islam dalam masyarakat pesisir Pahang berfungsi untuk membentuk struktur etika ekonomi dan tadbir urus sosial yang berkesan dalam realiti maritim, bukannya sekadar mengatur amalan ritual.

c. Kluster Religiobudaya: Islamisasi dan Penapisan Adat Pesisir

Dimensi religiobudaya kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang memperlihatkan bagaimana Islam berfungsi sebagai kerangka rujukan utama dalam menyusun makna, nilai, dan batas amalan sosial. Proses Islamisasi di Pahang berlaku secara beransur-ansur melalui jaringan ulama, institusi politik, serta hubungan sosial serantau, sejajar dengan sifat masyarakat pesisir yang terbuka kepada pertembungan budaya dan pengaruh luar (Rosele, 2015). Dalam konteks ini, Islamisasi tidak berlaku melalui penghapusan adat secara menyeluruh, sebaliknya melalui integrasi berperingkat yang mengekalkan kestabilan sosial serta kesinambungan kehidupan komuniti maritim. Islam mula berfungsi sebagai rujukan normatif dalam menilai amalan sosial, ekonomi, dan budaya, sekali gus membentuk orientasi nilai baharu yang lebih tersusun. Proses tersebut menunjukkan bahawa Islamisasi pesisir Pahang merupakan proses epistemik dan normatif, bukannya sekadar penukaran ritual atau simbolik.

Penapisan Adat melalui '*Urf*

Dalam tradisi Islam, adat dan amalan tempatan dinilai melalui konsep '*urf*' yang membezakan antara adat yang membawa maslahat dan selari dengan Syariah ('*urf ṣaḥīḥ*') serta adat yang menjejaskan akidah, keadilan atau membawa mudarat

(*'urf fāsīd*) (Rosele & Ali, 2019). Dalam konteks pesisir Pahang, adat yang memperkukuh solidariti sosial, kerjasama komuniti dan adab pergaulan dikekalkan dan diberi justifikasi Islam, manakala adat yang mengandungi unsur pemujaan atau kepercayaan khurafat ditinggalkan atau diubah suai secara berperingkat.

Proses ini memperlihatkan bahawa Islam berfungsi sebagai pengawal sempadan epistemik, menentukan kesahan amalan sosial dan budaya dalam kehidupan masyarakat pesisir. Dengan itu, Islamisasi pesisir Pahang bukan satu bentuk sinkretisme tidak terkawal, sebaliknya satu proses penyusunan semula adat berasaskan neraca nilai Islam yang kontekstual dan berprinsip. Pendekatan ini selari dengan gagasan sains tauhidik yang dikemukakan oleh Khalijah Salleh, di mana segala kegiatan manusia termasuk dalam mengurus adat dan amalan sosial hendaklah tertakluk kepada syariah serta berasaskan konsep tauhid yang mengiktiraf Allah sebagai pencipta dan sumber segala nilai kebenaran, keadilan, keseimbangan dan kebaikan (Nur Asyikin Hamdan et al., 2017).

Fungsi Sosial Islam dalam Komuniti Maritim

Dalam komuniti maritim yang dicirikan oleh mobiliti tinggi dan kepelbagaian budaya, Islam berperanan sebagai kerangka penyatu yang menyediakan orientasi nilai bersama. Nilai seperti amanah, keadilan, kesederhanaan, dan tanggungjawab sosial membentuk asas kepada adab sosial, penyelesaian konflik, serta pengekalan solidariti komuniti. Islam bukan sahaja mengatur ibadah, sebaliknya turut membentuk cara masyarakat untuk mentafsir makna kehidupan, hubungan sosial, dan tanggungjawab terhadap alam.

Sehubungan dengan itu, kearifan religiobudaya masyarakat pesisir Pahang mencerminkan proses internalisasi nilai Islam ke dalam struktur kehidupan seharian. Islam menjadi rujukan utama dalam menentukan batas, makna, dan tujuan amalan sosial serta budaya, sekali gus membentuk identiti kolektif masyarakat pesisir dalam kerangka tamadun maritim.

Perbincangan: Islam sebagai *Epistemic Regulator* dalam Tamadun Maritim Pahang

Dalam konteks masyarakat pesisir Pahang, Islam berfungsi bukannya sekadar sebagai sistem ibadah atau penanda identiti keagamaan, sebaliknya sebagai kerangka epistemik yang menyusun cara pengetahuan tempatan dibentuk, dinilai, dan diinstitusikan. Dalam kehidupan maritim yang dicirikan oleh ketidakpastian alam, mobiliti tinggi, dan pertembungan budaya, Islam menyediakan sistem rujukan normatif yang menentukan makna, batas, serta kesahan amalan sosial, ekonomi, dan budaya. Melalui fungsi tersebut, Islam berperanan sebagai regulator epistemik yang menghubungkan pengalaman empirik masyarakat pesisir dengan tertib nilai serta institusi yang stabil.

Berbeza daripada tafsiran yang melihat Islamisasi sebagai proses simbolik atau sinkretik, realiti masyarakat pesisir Pahang memperlihatkan bahawa Islam beroperasi sebagai mekanisme penyusunan makna dan norma. Adat, kearifan tempatan, dan amalan sosial tidak dibiarkan berkembang secara bebas, sebaliknya disaring, dinilai, serta dibentuk semula dalam kerangka Islam yang berprinsip.

a. Islamisasi Pesisir sebagai Proses Epistemik

Islamisasi di pesisir Pahang berlangsung sebagai proses beransur-ansur dan berlapis, seiring dengan jaringan ulama, hubungan politik dan mobiliti maritim yang menghubungkan Pahang dengan dunia Islam serantau. Proses ini tidak terhad kepada penggantian kepercayaan ritual, sebaliknya melibatkan peralihan cara memahami kehidupan, di mana Islam menjadi rujukan utama dalam mentafsir hubungan manusia dengan alam, masyarakat dan ekonomi.

Dalam kerangka ini, Islamisasi berfungsi sebagai proses epistemik, iaitu proses yang membentuk bagaimana sesuatu pengetahuan dianggap benar, wajar dan sah. Islam menyediakan kosa nilai dan struktur makna yang membolehkan Masyarakat pesisir menafsir pengalaman maritim mereka yang sarat dengan risiko, ketidakpastian dan kepelbagaian budaya ke dalam satu sistem nilai yang konsisten dan berprinsip. Dengan itu, Islamisasi pesisir Pahang membentuk asas epistemologi yang mempengaruhi cara ilmu tempatan difahami, diamalkan dan diwariskan.

b. *'Urf* sebagai Mekanisme Regulasi Epistemik

Dalam tradisi Islam, mekanisme utama yang menghubungkan syariah dengan realiti sosial ialah konsep *'urf*. Melalui *'urf*, adat dan amalan tempatan tidak ditolak secara menyeluruh, sebaliknya dinilai serta disusun semula berdasarkan prinsip Islam. Pembedaan antara *'urf sah* dengan *'urf fasid* membolehkan masyarakat pesisir untuk mengekalkan adat yang membawa maslahat, mengubah suai amalan yang bermasalah tanpa meruntuhkan struktur sosial, serta menolak adat yang bercanggah dengan akidah dan keadilan. Fungsi tersebut memperlihatkan Islam sebagai penapis epistemik, iaitu sistem yang menentukan status kesahan pengetahuan dan amalan sosial. Islam bukan sahaja mengatur apa-apa yang dilakukan oleh masyarakat, sebaliknya turut menentukan rasional di sebalik penerimaan atau penolakan sesuatu amalan. Melalui peranan tersebut, Islam berfungsi sebagai sistem pengetahuan normatif yang mengawal pembentukan makna dan batas amalan dalam kehidupan pesisir.

c. Daripada Nilai kepada Institusi: Islam sebagai Penyusun Tertib Sosial Maritim

Nilai Islam yang terbentuk melalui penapisan *'urf* tidak sekadar kekal pada peringkat etika individu, sebaliknya diterjemahkan ke dalam tertib sosial dan institusi. Dalam komuniti maritim yang dicirikan oleh mobiliti yang tinggi dan potensi konflik, Islam berfungsi sebagai kerangka penyatu yang membolehkan pembentukan kepercayaan sosial, adab pergaulan, dan mekanisme penyelesaian pertikaian.

Proses ini menjadi lebih jelas melalui penginstitutionan nilai muamalat dalam norma bertulis, seperti Hukum Kanun Pahang (HKP). Hal ini mencerminkan penterjemahan nilai Islam ke dalam struktur undang-undang dan tadbir urus ekonomi. Rentetan epistemik ini dapat diringkaskan secara jelas seperti yang berikut:

adat → ditapis melalui *'urf* → dibentuk sebagai nilai Islam → diinstitutionkan sebagai norma sosial dan undang-undang

Alur perkembangan ini memperlihatkan bahawa Islam berfungsi sebagai penyusun tertib sosial dan ekonomi dalam tamadun maritim Pahang dengan menghubungkan pengetahuan tempatan, nilai normatif, dan institusi secara berperingkat.

d. Implikasi Teori dan Sumbangan Pascakolonial

Dari sudut teori, huraian ini menunjukkan bahawa Islam mampu berfungsi sebagai kerangka epistemik setempat dan bukannya sekadar sistem hukum abstrak yang terpisah daripada realiti sosial. Kearifan tempatan masyarakat pesisir muncul sebagai sistem ilmu yang disusun dan ditapis secara normatif, bukannya sebagai sisa peninggalan pra-Islam atau budaya yang tidak rasional. Tamadun maritim pula menyediakan konteks penting untuk memahami cara Islam beroperasi sebagai pengawal makna dan nilai dalam masyarakat yang terdedah kepada perubahan serta pertembungan budaya. Dari perspektif pascakolonial, realiti ini mencabar naratif kolonial yang menggambarkan proses Islamisasi sebagai sesuatu yang tidak sistematik atau bersifat sinkretik. Sebaliknya, masyarakat pesisir Pahang memperlihatkan keupayaan epistemik untuk menilai, menyusun, dan menginstitutionkan adat dalam kerangka Islam secara sedar dan berperingkat. Hal ini menempatkan masyarakat pesisir bukan sebagai periferi epistemik, melainkan sebagai agen pembentuk tamadun.

Jadual 4. Matriks Epistemik Islamisasi Pesisir (Adat → *'Urf* → Nilai → Institusi)

Tahap Epistemik	Huraian Fungsi	Contoh Konteks Pesisir Pahang	Status Analitik
Adat Tempatan	Amalan sosial dan budaya sedia ada	Adat bermuafakat, amalan dagang pesisir	Data budaya
Penapisan <i>'Urf</i>	Penilaian Syariah terhadap adat	Pengekalan adat bermaslahat; penolakan khurafat	Regulasi epistemic
Nilai Islam	Pembentukan orientasi nilai	Amanah, keadilan, kesederhanaan	Rangka normative
Institusi	Penterjemahan nilai ke dalam struktur	Hukum Kanun Pahang, tertib muamalat	Institutionalisasi

Matriks epistemik ini memperlihatkan bahawa Islamisasi pesisir merupakan satu rangkaian epistemik yang menghubungkan budaya, penilaian normatif, nilai dan institusi. Ia mengukuhkan kefahaman bahawa Islam berfungsi sebagai *epistemic regulator* yang aktif dalam pembentukan tamadun maritim Pahang, bukan sekadar sebagai sistem ritual atau simbolik.

Kesimpulan

Kajian ini memperlihatkan bahawa kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang tidak wajar difahami sebagai adat budaya yang bersifat baki (*residual*) atau pramoden, sebaliknya sebagai epistemologi amali yang terbentuk dalam konteks tamadun maritim dan disusun secara normatif melalui Islam. Dalam kehidupan pesisir yang dicirikan oleh ketidakpastian alam, mobiliti yang tinggi, dan pertembungan budaya, kearifan tempatan berfungsi sebagai sistem pengetahuan praktikal yang mengurus hubungan manusia dengan alam, ekonomi, dan masyarakat. Islam pula berperanan menyusun sistem pengetahuan ini dengan memberikan kerangka nilai, makna, dan batas yang berprinsip.

Melalui rentetan adat → *urf* → nilai Islam → institusi, kearifan tempatan masyarakat pesisir Pahang disaring, dinilai, dan diinstitusikan secara berperingkat. Pengetahuan ekologi tentang sungai, muara, dan laut diorientasikan ke arah pemeliharaan maslahat asas, seperti keselamatan nyawa dan harta. Kearifan sosioekonomi pula dibentuk sebagai disiplin muamalat yang menekankan keadilan, amanah, dan kestabilan interaksi dagang, serta diterjemahkan ke dalam norma bertulis seperti Hukum Kanun Pahang (HKP). Dalam dimensi religiobudaya, Islam berfungsi sebagai mekanisme penapisan adat melalui *urf* untuk menentukan kesahan amalan sosial dan membentuk orientasi nilai komuniti maritim.

Keseluruhan proses ini menunjukkan bahawa Islam dalam tamadun maritim Pahang beroperasi sebagai pengatur epistemik (*epistemic regulator*), iaitu sistem yang mengawal pembentukan pengetahuan, penilaian nilai, dan penyusunan institusi. Islam bukannya sekadar agama ritual atau simbolik, melainkan kerangka epistemik dan normatif yang aktif dalam menghubungkan pengalaman empirik masyarakat pesisir dengan tertib sosial yang stabil. Melalui peranan ini, kearifan tempatan tidak berdiri di luar Islam, sebaliknya dibentuk dan dimaknai melalui Islam sebagai sistem pengetahuan yang hidup.

Dari sudut teori, kajian ini menawarkan satu kerangka analitik berasaskan Kearifan Tempatan–*Urf*–Tamadun Maritim yang membolehkan masyarakat Muslim setempat difahami sebagai subjek epistemik yang aktif, bukannya penerima pasif adat atau agama. Kerangka ini menolak pendekatan yang meromantisasi adat tanpa penilaian normatif, serta menolak penafian adat secara total atas nama agama. Sebaliknya, pendekatan ini menampilkan satu kaedah pertengahan yang berprinsip, kontekstual, dan berfungsi.

Dari perspektif pascakolonial, kajian ini mencabar naratif kolonial yang menggambarkan masyarakat pesisir sebagai periferi epistemik dan proses Islamisasi sebagai sesuatu yang tidak sistematik atau bersifat sinkretik. Realiti masyarakat pesisir Pahang memperlihatkan keupayaan untuk menilai, menyusun, dan menginstitusikan adat dalam kerangka Islam secara sedar dan berperingkat. Hal ini menempatkan masyarakat pesisir sebagai agen pembentuk tamadun dengan Islam berperanan sebagai pengawal makna dan nilai dalam pembinaan kehidupan maritim.

Kesimpulan ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang dapat memperincikan dimensi empirikal kerangka pengatur epistemik ini, khususnya melalui kajian etnografi pesisir, analisis mikro terhadap amalan muamalat dan adat maritim, serta perbandingan antara komuniti pesisir di Alam Melayu. Dengan menjadikan Islam sebagai kerangka epistemik dan tamadun maritim sebagai konteks asas, kajian pada masa hadapan berpotensi memperkaya pemahaman tentang hubungan antara agama, ilmu tempatan, dan pembentukan tamadun dalam dunia Islam.

Rujukan

- Abu Talib Ahmad. (2016). Pahang State History: A review of published literature and existing gaps. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 23(1), 35–64.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Azman Yusof, Muhammad Jumaidy Abdul Manap & Rahimin Affandi Abd Rahim. (2026). Jalan Penarikan dan Pembentukan Tamadun Maritim Sungai di Pahang: Satu Analisis Sejarah dan Geografi Mobiliti Pra-Kolonial [Jalan Penarikan and The Formation of Riverine Maritime Civilisation in Pahang: A Historical and Geographical Analysis of Pre-Colonial Mobility]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 9(1): 152-174.

- Amru Sazali. (2025). The manuscript of Hukum Kanun Pahang: Insights on trade laws and economic regulations in 17th-century [Manuskrip tidak diterbitkan]. Perbadanan Muzium Negeri Pahang
- Berkes, F. (2012). *Sacred ecology* (3rd ed.). Routledge.
- Kamali, M. H. (2003). *Principles of Islamic jurisprudence*. Islamic Texts Society.
- Linehan, W. (1936). A history of Pahang. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, 14(2), 1–256.
- Md. Salleh Yaapar. (2019). Malay Navigation and Maritime Trade: A Journey Through Anthropology and History. *IIUM Journal of Religion and Civilisational Studies*, 2(1), 73–81. <https://doi.org/10.31436/ijrcs.v2i1.61>
- Muhammad Farid Wajdi Abdul Rahim, Mohd Anuar Mamat, & Syed Salim Syed Shamsuddin. (2021). Pengaruh kitab fiqh Jawi di Alam Melayu: Pengenalan terhadap manuskrip Arkān al-Ṣolāt. *Sains Insani*, 6(1), 1–10. doi.org
- Muhammad Ikhlas Rosele, Raja Ahmad Mukhlis Raja Abdul Rahim, & Mohd Anuar Ramli. (2017). Islamisasi awal di Pahang: Satu tinjauan teori. *Jurnal Kemanusiaan*, 13(1), 1–11. <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/45>
- Muhammad Ikhlas Rosele, & Anuar Puteh Ali. (2019). Konsep kearifan tempatan menurut perspektif hukum Islam. *Jurnal Fiqh*, 16(1), 1–24. <https://doi.org/10.22452/fiqh.sp2019no1.1>
- Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, & Mohd Anuar Ramli. (2020). Pentakrifan dan pemaknaan kearifan tempatan dalam konteks masyarakat Melayu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 5(29), 1–12.
- Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, & Mohd Anuar Ramli. (2020). Pentakrifan kearifan tempatan: Suatu sorotan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 175–188
- Nursuriati Ashikin Hamdan, Abdul Latif Samian, & Nazri Muslim. (2017). Pandangan Khalijah Salleh terhadap sains tauhidik ke arah membangunkan Tamadun Melayu. *Sains Insani*, 2(1), 54–60. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no1.51>
- Ratna Roshida Ab Razak, Nur Ayuni Mohd Isa, & Muhammad Hafeez Zakaria. (2023). Paradigma Sejahtera sebagai acuan pemeribumian Agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG): Sejahtera Paradigm as a reference for indigenization of the Sustainable Development Goal (SDG) Agenda. *Sains Insani*, 8(1), 87–93. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no1.514>
- Reid, A. (1993). *Southeast Asia in the age of commerce, 1450–1680: Volume 1: The lands below the winds*. Yale University Press.